



NSTT teroka bidang realiti maya

Oleh Misiah Taib

NEW Straits Times Technology Sdn Bhd (NSTT) menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) dengan Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) dan Prosolvia AB (Prosolvia) bagi mengadakan kerjasama penyelidikan dan pembangunan (R&D) realiti maya di Kuching, semalam.

Menerusi MOU itu, NSTT, Unimas dan Prosolvia akan menubuhkan Pusat Realiti Maya di Taman Teknologi, Bukit Jalil, Selangor bagi menjalankan pelbagai kegiatan R&D.

Ketiga-tiga pihak juga akan bekerjasama mengkomersilkan hasil program R&D yang dijalankan serta menghasilkan produk yang mempunyai nilai komersil.

Pada majlis itu, Pengarah Urusan The New Straits Times Press (M) Berhad (NSTP) yang juga Pengerusi NSTT, Mohd Noor Mutalib dan Pengurus Besar Kanan NSTT, Ahmad Kamil Abdullah, memeterai bagi syarikat berkenaan manakala Unimas diwakili Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Zawawi Ismail serta Naib Canselornya, Prof Madya Dr Halimahtun Mohd Khalid.

Prosolvia pula diwakili Presiden dan Ketua Eksekutifnya, Dan Lejerskar serta Pengarah Pembangunan Perniagaannya, Michael Jacobson.

Hadir sama menyaksikan upacara itu ialah Pengerusi Unimas, Tan Sri Bujang Mohd Nor; Ketua Pegawai Operasi NSTP, Faiz Ishak; Pengurus Kanan, Jabatan Perkhidmatan Korporat NSTT, Mohd Nawidul dan Pengurus Kanan NSTT, Zulkifli Datuk Khalid.

Menerusi MOU itu, NSTT, Unimas dan Prosolvia juga akan bekerjasama menjalankan projek R&D dalam bidang industri seperti automobil, pembuatan, pembinaan bangunan, perancangan bandar, perubatan, robotik dan hiburan.



METERAI... Mohd Noor (dua dari kanan) bertukar dokumen MOU dengan Dan Lejerskar (kanan), Prof Zawawi (kiri), sambil disaksikan oleh Bujang. - Gambar oleh Ghazali Bujang

Di samping itu, kerjasama berkenaan turut meliputi program latihan dan pendidikan bersama.

Ia juga bertujuan membangun, menyokong dan menyediakan penuntut dengan latihan perlu serta pengalaman di bidang industri.

Kerjasama itu juga bertujuan menawarkan perkhidmatan teknikal dan perundingan dalam pembangunan teknologi realiti maya dan yang berkaitan dengannya.

Sementara itu, dua lagi MOU turut ditandatangani pada upacara sama, di antara NSTT dan Unimas serta antara Unimas dan Prosolvia.

Ia bertujuan mewujudkan hubungan kerjasama, terutama di bidang akademik serta pertukaran budaya di bidang pendidikan dan penyelidikan.

NSTT adalah anak syarikat milik penuh NSTP, manakala Unimas adalah sebuah universiti tempatan yang mendahului dalam bidang multimedia serta sedang dalam proses menubuhkan Pusat R&D di Taman Teknologi Bukit Jalil.

Sementara itu Prosolvia adalah syarikat perisian multi nasional yang berpangkalan di Sweden.

Berucap di majlis itu, Mohd Noor

berkata, teras kepada kerjasama ketiga-tiga pihak itu ialah pengwujudkan Pusat Realiti Maya di Taman Teknologi, pusat pertama seumpamanya di rantau ini.

"Unimas, sebagai sebuah universiti yang mendahului dalam bidang multimedia, Prosolvia sebagai pemimpin dalam bidang realiti maya dan NSTT yang mempunyai lebih 15 tahun pengalaman dalam industri Teknologi Maklumat (IT), tidak dapat diragui dapat membentuk gandingan mantap untuk mempromosi teknologi penting secara meluas di rantau ini," katanya.